



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 11 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HASLINA, MAZIAH DILANTIK SEBAGAI KSU MAFI, KPWK, NEGARA, KOSMO-6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
2. 3.	PESAWAH RASA KENA ANIAYA, LOKAL, HM-19 3. BERI KAMI PILIHAN TURUN HARGA, DALAM NEGERI,UM-30	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (NAFAS)
4.	MAQIS RAMPAS 300 KILOGRAM MANGGA THAILAND, NEGERI PERAK/KEDAH, SH-25	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN (MAQIS)
5.	PERLIS GOVT TAKES STEPS TP EMSURE "HARUMANIS" QUALITY, NEWS, NST-11	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6.	LAHIRKAN AGROPRENUER MUDA, BANGUNKAN PERTANIAN, TERENGGANU, HAKAKAH-H7	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
7.	SEJUTA BENIH IKAN DILEPASKAN KE TASIK KENYIR, TERENGGANU, HAKAKAH-H7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	MARDI LANCAR 4 PRODUK INOVASI MAKANAN, TECHSEMUT.COM, ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
9. 10. 11. 12. 13.	PENTERNAK RUGI RM 40,000 KAMBING DAN AYAM RENTUNG, NEGARA, KOSMO-14 SUKA - SUKA TANAM JADI SUMBER REZEKI, NEGARA, KOSMO-15 50 AYAM, 30 KAMBING RENTUNG, NEGERI PERAK/KEDAH, SH-25 POPULARITI ATI - ATI JANA PENDAPATAN, DALAM NEGERI, UM31 LEMBAH KELAPA MATAG KEMBALI MELAMBAI, TERENGGANU KINI, HAKAKAH H23	LAIN- LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Haslina, Maziah dilantik sebagai KSU MAFI, KPWKM

PUTRAJAYA – Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali mengumumkan pelantikan dua orang wanita sebagai Ketua Setiausaha (KSU) di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berkuat kuasa hari ini.

Mohd. Zuki berkata, Datuk Haslina Abdul Hamid, 53, dilantik sebagai KSU MAFI, manakala Dr. Maziah Che Yusoff, 54, sebagai KSU KPWKM.

Beliau berkata, Haslina berpengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuk kewangan dan pentadbiran, dasar dan pengurusan sumber manusia serta pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI.

Selain itu, beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, Haslina telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam selama 25 tahun dengan jawatan pertama yang disandang sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam pada 23 Mac 1996.

"Beliau juga berkelulusan Sarjana Undang-Undang dari Universiti Kelo, Jepun dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Pentadbiran (Kepujian) dari Universiti Malaya," katanya.

Sementara itu, Mohd. Zuki



MAZIAH



HASLIZA

berkata, Maziah berpengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuk perancangan dan penyelidikan, ekonomi dan pembangunan modal insan serta pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi.

Beliau berkata, Maziah juga pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Kluster Ekonomi dan Kewangan di Institut Tadbiran Awam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam.



PESAWAH di kawasan Paya Keladi membantah sistem baharu pembelian benih padi.

Oleh Nur Izzati
Mohamad
am@hmetro.com.my

Kepala Batas

Beberapa pesawah dari kawasan Pinang Tunggal di sini, membuat bantahan terhadap sistem baharu pembelian benih padi yang hanya diberikan hak mutlak kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (Nafas).

Terdahulu, lebih 200 pesawah dari unit itu dimaklumkan pembelian benih padi pada musim penanaman akan datang hanya boleh dibeli melalui Nafas sebagai pengedar tunggal.

Perkara itu mencetuskan rasa tidak puas hati pesawah yang kebanyakannya lebih gemar berurusan dengan premis luar selain boleh mendapatkannya pada harga lebih berpatutan terutama bagi mereka yang mengusahakan tanaman yang luas.

Ahmad Shukri Saad, 48, yang mengusahakan tanaman padi sejak 30 tahun lalu mendapati sistem baharu pembelian benih padi diper-

Pesawah rasa kena aniaya

Pemberian hak jualan tunggal benih padi kepada Nafas dianggap merugikan petani



Mereka menetapkan harga siling yang memaksa pesawah membeli pada kadar harga ditetapkan"

Ahmad Shukri

kenalkan itu menetapkan harga siling hingga menyebabkan pesawah tertekan.

"Dulu (musim penanaman lalu) pesawah bebas membeli benih padi di mana-mana sahaja kedai yang mereka suka selain boleh mendapat harga berpatutan. Namun apabila sistem baru ini hendak diperkenal-

kan dan dimonopoli Nafas, mereka menetapkan harga siling yang memaksa pesawah membeli pada kadar harga ditetapkan.

"Harga ditetapkan Nafas bagi satu beg benih padi seberat 20 kilogram (kg) adalah RM35. Tetapi jika kami beli di luar, harganya hanya sekitar RM33 bahkan kadangkala boleh dapat lebih murah lagi," katanya ketika ditemui ketika membuat bantahan di sini, semalam.

Pesawah, Ishak Mohd Hussin, 58, berkata, dia terbeban dengan sistem pembelian benih baharu apatah lagi ia datang dengan pembelian berpakej termasuk racun.

"Pesawah tidak perlu ra-

cun kerana sudah ada; tetapi bila nak beli benih perlu beli pakej ditetapkan iaitu harga benih (RM35) termasuk racun menjadikan jumlahnya antara RM70 ke RM75.

"Ini memberi bebanan kepada pesawah kerana bukan semua mampu (membeli). Kami minta sistem ini dikaji semula," katanya.

Baru-baru ini, Menteri Per tanián dan Industri Makanan (Mafi), Datuk Seri Dr Ronald Klandee yang membuat lawatan kerja di Pulau Pinang dilaporkan berkata, pihaknya sentiasa terbuka terhadap rungutan atau teguran khususnya dalam kalangan pesawah berkaitan pengedaran serta penjualan benih padi.

11.03.2021

UTUSAN MALAYSIA DALAM NEGERI

30

Pesawah tak setuju peraturan baharu berurusan dengan Nafas

'Beri kami pilihan, turun harga'

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA
iutusannews@mediamula.com.my

KEPALA BATAS: Meskipun Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi jaminan terbuka terhadap sebarang isu berkaitan penjualan benih padi, namun masih terdapat rungutan dalam kalangan pesawah berhubung perkara itu.

Rata-rata mereka menyatakan terkesan dengan peraturan baharu terutama terpaksa berurusan dengan pengedar tunggal benih padi ketika ini iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

Seorang pesawah, Ahmad Syukri Saad, 48, berkata, masalah utama yang dihadapi mereka ketika ini ialah harga benih padi yang dijual untuk beg seberat 20 kilogram (kg) selain tidak lagi diberi pilihan untuk membeli benih padi mengikut keperluan semasa.

"Kita faham Nafas masih baharu (sebagai pengedar tunggal benih padi), tapi janganlah bebankan pesawah seperti ini.

"Kalau dulu kami boleh dapat (benih padi) pada harga antara RM32 hingga RM33 untuk satu beg, tapi harga yang dijual Nafas ketika ini ialah RM35 untuk satu beg," katanya ketika ditemui semasa mengadakan bantahan semasa pesawah lain di Pinang Tunggal, di sini semalam.

Ujar Ahmad Syukri, pesawah kecil mungkin tidak terkesan



SEBAHAGIAN daripada hampir 200 pesawah mengadakan bantahan secara aman berhubung isu penjualan benih padi yang dikatakan dimonopoli oleh Nafas di Pinang Tunggal. Kepala Batas, Pulau Pinang semalam.

dengan nilai tersebut berbanding pesawah yang terpaksa membeli benih padi secara pukal atau pada kuantiti yang banyak.

"Pada masa sama, pesawah juga tak diberi pilihan untuk membeli benih padi mengikut keperluan masing-masing seperti sebelum ini dan ini mengusarkan kami," katanya.

Seorang lagi pesawah, Ishak Mohd Hussain, 58, menyifatkan kesukaran mendapatkan benih

padi mengikut keperluan membekalkan serta menyusahkan mereka.

Katanya, Nafas memang memberi jaminan yang mana benih padi yang tidak sesuai akan digantikan selepas ini.

"Tapi, persoalannya ialah bila? Selepas diserak (ditabur), kita perlu tunggu selama seminggu untuk lihat perkembangan benih padi itu manakala jika ditabur dalam air pula akan memakan masa sehingga dua minggu.

"Jika selepas dua minggu masih tak nampak perubahan, baru boleh buat aduan dan ini melambatkan kerja-kerja pesawah," katanya yang berpengalaman selama lebih 30 tahun sebagai pesawah.

Tambah Ishak, selain isu harga benih padi yang disifatkan agak tinggi, terdapat perubahan peladang kawasan (PPK) yang didakwa mengambil kesempatan lain.

Maqis rampas 300 kilogram mangga Thailand

ALOR SETAR - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah mematahkan cubaan membawa masuk buah mangga dari Thailand di Kompleks Kastam, Imigrasen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Durian Burung di sini pada Isnin.

Pengarah Maqis Kedah, P Lily Rosalind berkata, pemeriksaan mendapati sebuah lori dari negara jiran cuba membawa masuk 300 kilogram (kg) buah mangga tanpa mematuhi syarat import. Menurutnya, nilai rampasan keseluruhan buah mangga itu dianggarkan RM993 dan kesemua barang dagangan dirampas untuk tindakan lanjut.

“Sebanyak 300kg buah mangga yang cuba dibawa masuk itu tidak mematuhi syarat import yang ditetapkan iaitu gagal mematuhi Perakuan Pengredan, Pembungkusan dan Perlabelan sebagaimana dinyatakan dalam sijil 3P.

“Kegagalan untuk mengemukakan maklumat tersebut adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728],” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Mengulas lanjut, Lily Rosalinda berkata, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam



Maqis Kedah mematahkan cubaan membawa masuk buah mangga dari Thailand di ICQS Durian Burung, Alor Setar pada Isnin.

tahun atau kedua-keduanya sekali.

Lily berkata, pihaknya akan terus memperkasa tindakan penguatkuasaan undang-undang di semua pintu masuk negara bagi memastikan hasil pertanian mematuhi peraturan ditetapkan supaya aspek biosekuriti negara terjaga.

Perlis govt takes steps to ensure 'harumanis' quality

KANGAR: In efforts to ensure that *harumanis* mangoes continue to excel as Perlis "signature product", the state Agriculture Department has implemented several improvements to safeguard its quality. State Agriculture director Hafizuddin Othman said one of them was the introduction of high-quality boxes so that *harumanis* mangoes sent by courier would not be easily damaged. "To ensure that the fruit ferried by courier services will not be easily damaged, we have introduced a three-layer hard box which is more durable." He said apart from that, the department had held discussions with several courier companies to improve the fruit delivery process. The Perlis *harumanis* season is expected to start at the end of April until middle of June. **Bernama**

11.03.2021

HARAKAH

KEDAH

H18

Lahirkan agropreneur muda, bangunkan pertanian

ALOR SETAR: Kerajaan komited melahirkan agropreneur muda yang mampu menjadi ikon untuk mendorong golongan muda terlibat dengan pertanian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Che Abdullah Mat Nawi berkata, Program Agropreneur muda mula diperkenalkan oleh Kementerian terbabit sejak tahun 2016 lagi.

"Sasaran kita kepada golongan muda berumur 18 hingga 40 tahun dan setakat ini berjaya menarik minat mereka untuk menceburkan diri ke bidang pertanian.

"Bahkan ini juga usaha kerajaan sebagai kesinambungan untuk golongan muda," ujar beliau dalam sidang media di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ampang

Jajar, Isnin lalu.

Katanya lagi, 3D (*difficult, dangerous, dirty*) perlu dikikis di pemikiran anak muda agar golongan ini memandang bidang ini dari sudut positif malah ternyata ia mampu menjamin pulangan lumayan serta melahirkan ramai jutawan.

"Kementerian menasaskan tahun ini dapat melahirkan 750 usahawan muda yang berjaya seluruh negara dibentuk melalui program ini," katanya lagi.

Justeru itu bantuan berbentuk geran untuk barangan keperluan berjumlah RM20 ribu diberikan selain pembiayaan kos melalui pinjaman Usahawan Muda Tekun Nasional sehingga RM50,000 dan Agrobank sebanyak RM200,000.

Malah Bajet 2021 juga menasaskan sehingga RM15



Dato' Che Abdullah mengikat pembalut buah mangga.

juta untuk program yang amat bermanfaat khususnya kepada golongan muda.

Di seluruh negara seramai 6,900 orang telah diberi geran yang membabitkan kos berjumlah RM121.97 juta selain 61 orang antaranya mendapat faedah daripada pinjaman TEKUN Nasi-

onal dan Agrobank. "Di Kedah pula dari 2016 hingga 2020 seramai 725 orang menerima geran melibatkan RM21.9 juta.

"Kita melibatkan usahawan ni secara 'subjector' iaitu melibatkan semua jenis pertanian, industri makanan dan perikanan.

11.08.2021

HARAKAH

TERENGGANU

H7

Sejuta benih ikan dilepaskan ke Tasik Kenyir

Oleh KHAIROL AZLAM MOHAMMAD

HULU TERENGGANU: Jabatan Perlindungan Malaysia (DOF) melepaskan pelbagai spesies ikan air tawar seperti kelah, baung, lampam sungai dan udang galah yang bernilai RM379,668 di tiga lokasi Tasik Kenyir, Hulu Terengganu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, sebanyak RM1 juta telah dipesan untuk penubuhan kaedah pemeliharaan ikan air tawar dan pemuliharaan sumber perikanan darat melalui pengkayaan sumber dan habitat, pemantauan ekosistem serta penubuhan kawasan konservasi perikanan darat.

"Pada tahun 2020 merekodkan sebanyak 935,460 benih pelbagai spesies seperti kelah, temoleh, sebarau, lampam sungai, terbul, baung dan udang galah telah dilepaskan bernilai se-



Dato' Che Lah (Guduk) bercakap pada sidang medianya sempena Program Pelepasan Sejuta Benih Ikan ke Perairan Umum di Sungai Leban, Tasik Kenyir, Pengkalan Gawi, Hulu Terengganu, pada 6 Mac lalu.

banyak RM550,460 secara berperingkat bermula pada Julai hingga November 2020. "Bagi tahun 2021 ini, sebanyak 5,000 ekor benih lampam sungai bernilai RM10,000, telah dilepaskan ke Sungai Leban, Tasik Kenyir, pada 2 Februari 2021.

"Pada hari ini, Jabatan (DOF) melepaskan pelbagai spesies ikan dan udang galah bernilai RM379,668 dan kesemua benih dilepaskan



Dato' Che Lah (tengah) membangsar penerangan tentang spesies ikan air tawar.

Eladir sama Pengerusi Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah), Dato' Razali Idris dan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim dan Pengarah Perikanan Terengganu, Zawawi Ali.

Menurut Dato' Che Lah, bagi memulai keberkesanan program pelepasan yang

telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021, Jabatan Perikanan Malaysia bercadang mengadakan kajian inventori di Sungai Leban pada pertengahan tahun ini.

"Kami (DOF) berharap program ini akan dapat mencapai objektif bagi meningkatkan stok ikan air tawar di perairan berkenaan.

"Ini bertujuan bagi meningkatkan stok ikan perikanan darat dan sum-

ber perikanan darat dalam menjamin bekalan makanan. Ia juga bagi meningkatkan sosio-ekonomi nelayan darat di sungai dan tasik," jelasnya.

Harakah dimaklumkan, Program Pelepasan Sejuta Benih Ikan di Tasik Kenyir tahun ini merupakan program Jabatan Perikanan Malaysia dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11.03.2021	TECH.SEMUT.COM	ONLINE	

MARDI LANCAR 4 PRODUK INOVASI MAKANAN



SERDANG, 10 Mac – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) melancarkan empat produk inovasi makanan baharu berkonsepkan makanan kesihatan.

Produk itu ialah Sup Campuran Diperkaya Ekstrak Pegaga, Tepung Pracampuran Pudding Jeli Tinggi Protein, Tepung Pracampuran Roti Prebiotik dan Air Kelapa Difermentasi.

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid, populasi rakyat yang terdedah kepada risiko pelbagai penyakit memerlukan amalan gaya hidup dan pemakanan yang sihat. Beliau mengulas perkara itu dalam sidang media selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Teknologi Makanan 2020.

Penternak rugi RM40,000, kambing dan ayam rentung

Oleh AZAHAR HASHIM

KULIM - Seorang penternak kerugian kira-kira RM40,000 apabila kesemua 28 ekor kambing dan 60 ekor ayam rentung selepas kandang ternakan itu musnah dalam kebakaran di Kampung Permatang Durlan di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 5.30 pagi itu, pemilik haiwan ternakan itu, Hasnah Darus, 63, dan suaminya, Mohd. Noor Hashim, 68, mengalami kecederaan melecur selepas cuba memadamkan kebakaran.

Hasnah melecur pada lengan dan bahu, manakala Mohd. Noor melecur sedikit di bahagian tangan kanan serta leher.

Menurut Mohd. Noor, dia dan isteri menyedari kejadian selepas terdengar bunyi bising kambing serta objek meletup.

"Saya dan bersama isteri keluar untuk melihat apa yang berlaku sebelum terkejut melihat api sedang marak membakar kandang tersebut.

"Tanpa berlengah, saya terus mencapai kunci van, sementara anak lelaki pula mengambil kunci kereta untuk mengubah kenderaan yang berada di garaj bersebelahan kandang," katanya ketika ditemui di rumahnya di sini semalam.

Katanya, dia kemudian cuba menyembur air ke kawasan garaj tersebut bagi mengelak api me-



ANAK Mohd. Noor, Mohd. Shahir melihat bangkai kambing yang rentung di Kampung Permatang Durlan, Kulim semalam.

rebak ke kawasan rumah.

"Saya bersama isteri, anak serta jiran bergilir mengawal api untuk mengelakkan daripada merebak ke kawasan rumah yang hanya terletak kira-kira lapan meter dari kandang yang terbakar," ujarnya.

Mohd. Noor berkata, kesemua ternakan di dalam kandang kayu yang menempatkan kambing di tingkat atas dan ayam di tingkat bawah tidak dapat diselamatkan kerana api marak dengan cepat.

Sementara itu, Hasnah berkata, dia sedih kerana gagal menyelamatkan ternakannya.

"Saya terdengar bunyi kambing dan ayam bising beberapa

minit sebelum secara tiba-tiba semuanya senyap. Apa yang menyedihkan apabila beberapa ekor anak kambing masih menyusui.

"Saya membuat pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk menjalankan penternakan haiwan ini sejak 10 tahun lalu dan mujurlah sebelum ini kira-kira 30 ekor kambing dewasa sudah dijual," ujarnya.

Katanya, pada minggu lalu, beberapa ekor ayam juga sempat dipindahkan ke reban lain.

"Kejadian ini kemungkinan berlaku disebabkan kesan bara api kecil yang digunakan untuk asap bagi menghalau nyamuk di kawasan kandang itu," katanya.



SEBAHAGIAN pokok ati-ati yang ditanam Nurrihan di rumahnya di Felda Bukit Rokan, Tampin semalam.

Suka-suka tanam jadi sumber rezeki

TAMPIN – Jika suatu masa dahulu pokok lidah mentua begitu mendapat perhatian golongan wanita, namun kini popularitinya jatuh dan ditenggelamkan oleh pokok ati ati.

Nurrihan Rahamat, 33, berkata, maka tidak hairanlah sekiranya ramai pihak kini memburu pelbagai jenis pokok ati-ati dan ada juga menjadikannya sebagai pendapatan sampingan dengan menjual pokok berkenaan serendah harga RM5 untuk satu jenis pokok.

Menurutnya, dia tidak sangka, minatnya mengumpul pokok ati-ati sejak September tahun lalu bersama suaminya, Hairudin Udin, 52, mendatangkan hasil buat mereka sekeluarga dengan pendapatan sekitar RM500 sebulan sejak Januari lalu.

"Masa tu kontrak saya sebagai pembantu tukang masak di sebuah kantin sudah tamat. Jadinya, daripada tak ada apa ingin dibuat, saya mula menanam pokok ati-ati di halaman rumah. Landskapnya pula menggunakan tunggul kayu

dibuat oleh suami.

"Pada mulanya, saya beli 42 jenis anak pokok ati-ati melalui pos sahaja dari rakan yang menetap di Segamat (Johor) dan kini saya sudah ada 70 jenis pokok ati-ati antaranya kaki itik, bidadari, ekor naga dan ekor buaya," katanya ketika ditemui di kediamannya di Felda Bukit Rokan, di sini semalam.

Nurrihan berkata, sejak awal Januari lalu, kediamannya sering dikunjungi oleh peminat pokok ati-ati dan dia mulai menerima tempahan bukan hanya dari kawasan itu bahkan dari luar.

Menurutnya, dia menjual dengan harga yang agak rendah berbanding di luar kerana mahu berkongsi minat dengan peminat ati-ati tanpa memikirkan soal keuntungan.

Menurutnya, setakat ini dia mempunyai lebih 300 pokok ati-ati yang disemai dan juga yang ditanam di dalam pasu," katanya.

Ujarnya, menjual pokok itu hanya suka-suka bukan untuk keuntungan semata-mata.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11.03.2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK / KEDAH	25

50 ayam, 30 kambing rentung

Pasangan warga emas melecür kandang ternakan terbakar

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

KULIM

Sebanyak 50 ayam dan 30 kambing rentung dalam kebakaran sebuah ladang di Jalan Kampung Permatang Durian, Padang Serai di sini pada Rabu.

Dalam kejadian kira-kira jam 5.45 pagi turut mengakibatkan pasangan warga emas masing-masing berusia 70 dan 63 tahun dipercayai pemilik ladang melecür selepas cuba menyelamatkan haiwan ternakan mereka.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Mohamadul Ehsan Mohd Zain berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan melibatkan kebakaran kandang kambing dan ayam pada jam



Sebanyak 90 haiwan ternakan milik pasangan suami isteri warga emas rentung dalam kebakaran sebuah kandang di Jalan Kampung Permatang Durian, Padang Serai pada awal pagi Rabu.

5.52 pagi.

“Sepasukan 11 anggota bomba Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kulim Hi Tech diketuai Pegawai Operasi, Pegawai Bomba Kanan 11, Puat Ghazali dikejarkan ke lokasi kejadian dengan dua jentera bagi melakukan operasi memadam kebakaran.

“Setibanya di lokasi kejadian, kami mendapati berlaku kebakaran kandang kambing dan ayam yang terbakar 90 peratus,” katanya dalam kenyataan.

Lelaki berusia 70 tahun me-

lecür tangan kanan manakala isterinya yang berusia 63 tahun melecür pada bahu.

Katanya, anggota bomba dari BBP Kulim Hi-Tech memadam kebakaran menggunakan air daripada dua jentera berkenaan dan api berjaya dikawal pada jam 6.17 pagi.

“Operasi pemadaman turut dibantu Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Lunas dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) manakala punca dan kerugian akibat kebakaran ini masih dalam siasatan,” katanya.



MURRMAN RAHAMAT MEMUNJUKKAN ANAK POKOK ATI-ATI YANG DIJUALNYA DI RUMAHNYA DI FELDA BUKIT ROKAN, TAMPAI, KEMAMAN. - UTUSAN/NOR AIMNA HAMZAH

Populariti ati-ati jana pendapatan

TAMPAI: Pokok lidah mentua baru-baru ini cukup popular dan ia sangat dicari-cari peminat bunga hiasan namun popularitinya dilihat semakin menurun.

Populariti pokok hiasan itu kini diganti pula dengan pokok ati-ati iaitu sejenis lagi pokok hiasan yang mempunyai daun dua warna yang bertentangan menjadikan ia sebagai tarikan penghias taman.

Menurut seorang bekas pekerja tukang masak, Nurrihan Rahamat, 33, ramai peminat bunga hiasan kini memburu pel-

bagai jenis pokok ati-ati malah ada juga yang menjadikannya sebagai pendapatan sampingan dengan menjual pokok berkenaan dengan harga serendah RM5 untuk satu jenis pokok.

Selain minat, pokok berkenaan juga membawa rezeki buat mereka sekeluarga apabila mampu menjana pendapatan sampingan sekitar RM500 sebulan meneruskannya.

"Pada mulanya, saya beli 42 jenis anak pokok ati-ati melalui pos sahaja daripada rakan yang menetap di Segamat, Johor dan kini saya sudah memi-

liki 70 jenis pokok ati-ati antaranya kaki itik, bomba, ATM, bidadari, ekor naga dan ekor buaya," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di rumahnya di Felda Bukit Rokan, di sini, semalam.

"Pokok ati-ati yang bersaiz agak besar saya jual dengan harga hanya RM15 sepasu berbanding harganya di luar yang mampu mencecah sehingga RM25.

"Setakat ini saya mempunyai lebih 300 pokok ati-ati yang di-semal dan ada juga yang dinamakan dalam pasu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11.03.2021	HARAKAH	TERENGGANU KINI	H23

Lembah Kelapa Matag kembali 'melambai'



Ladang Kelapa Matag yang dibangunkan semula setelah terblir hampir 10 tahun.

Oleh **FAKRUSY SYAKIRIN**

SETIU Kerajaan negeri Terengganu sedang giat menghidupkan kembali projek ladang kelapa Matag yang terblir di Kampung Kubang Puyu, Langkap di Daerah Setiu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perdagangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, kawasan tersebut telah diwartakan sebagai lembah kelapa dengan keluasan 90 ekar, manakala baki 139 ekar masih terblir.

"Projek Kelapa Matag ini bermula pada tahun 2011 dengan penanaman 35 hektar kelapa, memakan kos keseluruhan sehingga RM5 juta termasuk kos perparitan, infrastruktur dan lain-lain lagi.

"Sepatutnya sekarang ini kemuncak hasilnya, semua tanah digazetkan bagi tanaman kelapa sahaja.

"Bila Kerajaan PAS memegang tampuk pemerintahan pada 2018, ladang ini pertama yang saya pergi dan sekarang dibawah senarai projek-projek yang akan dipulihkan," katanya ditemui dilokasi, baru-baru ini.

Tambah beliau, buat masa ini, kawasan tersebut ditumbuhi semak-samun dan sebahagian pokok terbantut tumbesarannya serta hasil yang tidak optimum.

Mengulas lanjut isu berkaitan, Ahli Jawatankuasa PAS Pusat itu berkata, tanah terbabit melibatkan pajakan tanah kepada pihak ketiga kerana status pewartaannya masih tidak diselesaikan dibawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara.

"Kita telah melibatkan pemaju syarikat tempatan negeri, Lintas Agriculture Sdn. Bhd, dan apabila selesai urusan pewartaan, baru boleh dibenarkan kepada pihak tersebut dibawah Seksyen 63.

"yang kedua adalah sistem perpadatan yang perlu diberi perhatian yang mana merupakan kawasan banjir termenung, jadinya kita perlu memastikan sistem pengaliran bersedia dalam menghadapi musibah tersebut.

Berlaku optimis, lembah kelapa tersebut berpotensi menjadi ladang terbesar negeri Terengganu, dengan keluasan lebih 200 ekar dapat mengeluarkan produk kelapa muda, air nira dan santan daripada kelapa tua.

Sementara itu, beliau menjangkakan pengeluaran sepecahannya akan bermula dalam masa setahun setelah melengkapkan keperluan asas dalam terlebihi dahulu.

"Sekiranya pengeluaran sebagaimana dijadualkan, kadar cukup sara diri melebihi 70 peratus, maka kita akan fikirkan untuk menjadi pengeksport kelapa di Malaysia," tambahnya.

Dr. Azman meninjau proses pembangunan semula Kelapa Matag di Setiu.



Ladang Kelapa Matag mampu memberikan hasil yang lumayan kepada petani.